

# PM: Islam mesti kejar kekuatan

U.M. - 4 JUN 1993

**K**UALA LUMPUR 3 Jun — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, negara-negara Islam termasuk Malaysia mestilah mengejar kekuatan kerana dunia hari ini menganggap kekuatan sebagai kebenaran.

"Kita tidak harus lupa bahawa bagi dunia sekarang kekuatan dianggap kebenaran. Untuk itu, perkara utama dan penting ialah menegakkan pemerintahan yang adil dan cekap supaya kemajuan dicapai setaraf dengan kekuatan negara-negara maju," katanya.

Berucap merasmikan Persidangan Islam dan Keadilan anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini hari ini, Dr. Mahathir menegaskan, apabila negara Islam sudah maju dan memiliki kekuatan, barulah persiapan dapat dibuat untuk menaikkan keupayaan pertahanan negara setanding dengan negara maju yang lain.

Kata Perdana Menteri, persiapan ini wajib dilakukan kerana Allah telah berfirman dalam Al-Quran dalam *Surah Al-Anfal*, Ayat 60 yang bermaksud:

"Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dan dari kudakuda yang ditambah untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggetarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kami tidak mengetahuinya sedang Allah mengetahuinya."

Katanya, semenjak beberapa abad selepas keruntuhan empayar Islam, dunia telah dikuasai oleh Barat.

Menurut beliau, mereka bukan sahaja berjaya menakluki hampir semua wilayah

di dunia tetapi berjaya menakluki fikiran dan menyemai nilai-nilai hidup dan falsafah mereka.

"Konsep dan prinsip-prinsip keadilan mereka telah disebarikan sehingga dunia taksub dengannya dan tidak lagi menyoal akan baik buruknya konsep dan prinsip-prinsip itu.

"Malangnya, percubaan orang Islam untuk menegakkan semula konsep keadilan seperti yang disarankan oleh agama Islam dikecam oleh Barat sebagai percubaan untuk menegakkan semula cara-cara pemikiran yang sudah lapuk.

Perdana Menteri berkata, Barat bercakap mengenai pemerintahan berasaskan undang-undang, hak kemanusiaan dan demokrasi atau kuasa suara ramai, tanpa mengambil kira

ada undang-undang ciptaan manusia yang tidak adil, ada hak manusia yang keterlaluan dan ada suara ramai yang tidak waras.

"Undang-undang antarabangsa pula dibentuk supaya memberi hak kepada yang kuat menindas yang lemah. Demokrasi atau suara ramai seperti di kalangan orang Serb di Bosnia dihormati walaupun tujuannya menindas orang Islam Bosnia," katanya.

Beliau berkata, pada waktu yang sama, Barat tidak segan silu membelakangkan prinsip-prinsip keadilan mereka sendiri jika perbuatan ini perlu bagi kepentingan mereka.

Perdana Menteri berkata, kepincangan masyarakat di dunia hari ini kerana masyarakat antarabangsa tidak mengamalkan prin-

sip keadilan dan begitu zalim terhadap golongan-golongan yang lemah.

Dr. Mahathir berkata, sejarah telah membuktikan banyak contoh tentang keadilan Islam.

Antaranya, kata beliau apabila Rom menakluki Palestin, orang Yahudi diusir sehingga mereka menjadi orang buangan di seluruh dunia sebaliknya apabila Khalifah Umar Al-Khattab menakluki Palestin orang Yahudi dan Kristian dibenarkan tinggal di sana.

Katanya, keadaan yang sama berlaku ketika Islam memerintah Sepanyol selama 800 tahun di mana pada masa itu orang Yahudi dan Kristian kekal dengan agama mereka dan tinggal bersama-sama orang Islam.